

**ANALISIS PEMIKIRAN KETATANEGARAAN RAJA ALI HAJI  
(1809-1873M) MENERUSI INTERPRETASI AYAT AL-QURAN  
DALAM KARYA THAMARAT AL-MUHIMMAH<sup>(\*)</sup>**

*(An Analytical Study of Raja Ali Haji's (1809–1873 CE) Political  
Thought through Quranic Exegesis in Thamarat al-Muhimmah)*

**Raja Hisyamudin bin Raja Sulong<sup>1</sup>, M. Zaidi bin A. Rahman<sup>2</sup>,  
Muhamad Alihanafiah bin Norasid<sup>3</sup>, Osman bin Rasip<sup>4</sup>**

**ABSTRACT**

Raja Ali Haji, a prominent 19th-century scholar from the Nusantara region, authored two significant works related to political science: Thamarat al-Muhimmah and Muqaddimah fi Intizam. His writings incorporate Qur'anic verses to substantiate his arguments, reflecting a deep

---

<sup>∅</sup>This article was submitted on: 24/10/2025 and accepted for publication on: 22/05/2026.

<sup>1</sup> Pensyarah Kanan (Dr.), di Jabatan Siasah Syar'iyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

ORCID: 0000-0002-1899-3333

Emel: [r\\_hisyamudin@um.edu.my](mailto:r_hisyamudin@um.edu.my)

<sup>2</sup> Prof. Madya (Dr), di Jabatan Siasah Syar'iyah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. (Corresponding Author 1)

ORCID: 0000-0002-2913-3945

Emel: [mzaidi@um.edu.my](mailto:mzaidi@um.edu.my)

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan (Dr.), di Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. (Corresponding Author 2)

ORCID: 0000-0002-2640-6098

Emel: [imtiazhuffaz@um.edu.my](mailto:imtiazhuffaz@um.edu.my)

<sup>4</sup> Pensyarah Kanan (Dr.), di Jabatan Siasah Syar'iyah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

ORCID :0000-0001-5339-728

Emel: [osmanrasip@um.edu.my](mailto:osmanrasip@um.edu.my)

engagement with Islamic sources. This study examines Raja Ali Haji's use of Qur'anic verses as the foundation of his political thought in *Thamarat al-Muhimmah*. Although existing literature has addressed this theme to some extent, thematic interpretations of the Qur'an through a critical Islamic political lens remain underexplored. This research seeks to fill that gap by analysing three selected verses to uncover Raja Ali Haji's intellectual approach in shaping political thought, particularly through advisory motifs aligned with the genre of mirrors for princes. The verses are examined using a thematic method to assess their relevance to the principles of statecraft articulated in his work. The findings reveal that Raja Ali Haji's political philosophy is grounded in a profound understanding of the Qur'anic texts he employs, offering a nuanced critique of arbitrary leadership that deviates from the ethical and legal boundaries set by Sharia.

**Keywords:** *Raja Ali Haji, Statecraft, Thamarat Al-Muhimmah, Political Thought, Quranic Verses*

## ABSTRAK

Raja Ali Haji, seorang sarjana terkemuka abad ke-19 dari rantau Nusantara, telah menghasilkan dua karya penting yang berkaitan dengan ilmu politik, yaitu *Thamarat al-Muhimmah* dan *Muqaddimah fi Intizam*. Penulisan beliau mengintegrasikan ayat-ayat al-Quran sebagai sandaran bagi mengukuhkan hujah-hujah yang dikemukakan, sekali gus mencerminkan penghayatan yang mendalam terhadap sumber-sumber Islam. Kajian ini meneliti penggunaan ayat-ayat al-Quran oleh Raja Ali Haji sebagai asas pemikiran politik beliau dalam *Thamarat al-Muhimmah*. Walaupun beberapa kajian terdahulu telah menyentuh tema ini, pentafsiran tematik terhadap al-Quran dari perspektif kritis politik Islam masih kurang diberi perhatian. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengisi jurang tersebut dengan menganalisis tiga ayat terpilih bagi menyingkap pendekatan intelektual Raja Ali Haji dalam membentuk pemikiran politiknya, khususnya melalui unsur-unsur nasihat yang selaras dengan tradisi karya genre adab ketatanegaraan (*mirrors for princes*). Ayat-ayat tersebut dianalisis menggunakan metodologi tematik tafsir dan analisis kandungan bagi menilai hubungan kaitnya dengan prinsip-prinsip

ketatanegaraan yang diuraikan dalam karya beliau. Dapatan kajian menunjukkan bahawa falsafah politik Raja Ali Haji adalah berasaskan pemahaman yang mendalam terhadap nas-nas al-Quran yang digunakan, di samping mengemukakan kritikan yang bernas terhadap kepimpinan yang sewenangnyanya dan menyimpang daripada batas-batas etika serta perundangan yang ditetapkan oleh syariah.

**Kata kunci:** *Raja Ali Haji, Ketatanegaraan, Thamarat al-Muhimmah, Pemikiran Politik, Ayat-ayat al-Quran*

## 1. PENGENALAN

Raja Ali Haji (1809–1870) merupakan salah seorang cendekiawan Muslim Nusantara yang berpengaruh dalam sejarah intelektual Melayu. Selain dikenali melalui karyanya yang monumental dalam bidang persuratan seperti *Tuhfat al-Nafis*, beliau juga menonjol sebagai pemikir politik Islam melalui dua karya utamanya dalam ranah ketatanegaraan: *Thamarat al-Muhimmah* dan *Muqaddimah fi Intizam*. Karya-karya ini bukan sekadar catatan adat atau nasihat pemerintah, tetapi sebuah usaha sistematik untuk membina asas ideologi politik Melayu-Islam yang berakar tunjang pada al-Quran. Dalam kedua-duanya, Raja Ali Haji secara konsisten menjadikan ayat-ayat al-Quran sebagai rujukan utama dalam membincangkan peranan raja dan kuasa mereka sebagai tanggungjawab sosial penguasa.

Artikel ini memfokuskan analisis terhadap tiga ayat al-Quran yang dikemukakan secara eksplisit oleh Raja Ali Haji dalam Bab Pertama, Fasal 1 dan 2 kitab *Thamarat al-Muhimmah*, di mana beliau menegaskan kedudukan raja sebagai aktor sentral dalam sistem politik Melayu-Islam. Walaupun terdapat kajian yang membincangkan pemikiran politik Raja Ali Haji secara umum, masih terdapat kekurangan dalam kajian yang mengkaji secara tematik penggunaan al-Quran oleh beliau, khususnya dari perspektif fiqh siyasah dan tafsir kontekstual yang dikaitkan dengan realiti pemerintahan. Kelompokan kajian ini menjadi ruang penting yang cuba diisi melalui pendekatan yang lebih mendalam dan terstruktur.

Melalui metodologi kualitatif yang menggabungkan analisis kandungan dan tematik, kajian ini bertujuan mengungkap bagaimana Raja Ali Haji

mentafsir dan mengaplikasikan al-Quran dalam membina kerangka politik Islam yang relevan dengan konteks zamannya. Pendekatan ini membolehkan pengkaji mengenal pasti tema-tema utama seperti legitimasi autoriti pemerintah, fungsi jawatan dan pertentangan kuasa Tuhan dan raja. Tema ini dihuraikan oleh Raja Ali Haji dengan sandaran tekstual yang kuat dari al-Quran dan dikembangkan melalui lensa tafsiran al-Quran dan *fiqh siyasah*. Kajian ini bukan sekadar meneroka teks, tetapi juga menyelami niat, konteks sejarah, dan matlamat keilmuan beliau dalam membentuk pemerintahan yang adil, bertanggungjawab, dan berasaskan syariah.

Justeru, kajian ini bukan sekadar sumbangan akademik, tetapi juga satu usaha memulihkan dan menghargai warisan intelektual Islam Melayu yang sering terpinggir. Ia menegaskan bahawa al-Quran bukan hanya panduan spiritual, tetapi juga sumber autoriti dalam membina sistem politik yang beretika, adil, dan bertanggungjawab; satu warisan yang dihidupkan dengan bijaksana oleh Raja Ali Haji menerusi karyanya yang menjadi mercu tanda pemikiran politik Melayu Islam di Nusantara.

## 2. INSPIRASI AL-QURAN DALAM KARYA KETATANEGARAAN MELAYU: SOROTAN LITERATUR

Dalam tradisi pengajian Syariah, al-Quran merupakan sumber utama yang memberi panduan tentang perkara yang berhubung dengan kehidupan manusia dengan Allah (ibadat) dan hubungan manusia sesama manusia (muamalat). Sesuai dengan kerangka besar ini, tema mengenai ketatanegaraan dikategorikan dalam perbahasan muamalat kemudiannya berkembang menjadi disiplin ilmu tersendiri atas nama ilmu *Fiqh Siyasah* atau *Siyasah Syar'iyah* (Utwah, A. al-'A. A., 1993; Abdul Majid, M. Z., 1992).

Umumnya penggunaan al-Quran dalam penentuan hukum dalam kategori ini menggunakan ayat-ayat bersifat umum. Implikasi ayat jenis ini membawa kepada status ijtihad hukumnya bersifat *zanni* (sangkaan kuat) sesuai dengan sifat politik yang memerlukan unsur dinamik bagi menyesuaikan hukum dengan keperluan semasa, setempat dan keadaan.

Mohd Kamal Hassan menyenaraikan informasi mengenai *Fiqh Siyasah* dicerna dalam pelbagai genre; fikah, falsafah, ilmu kemasyarakatan dan sejarah Islam versi Ibn Khaldun, versi semasa dalam bentuk tulisan negara Islam. Tidak ketinggalan genre adab ketatanegaraan (*mirrors for princes*) pengaruh Parsi turut

menyumbang kepada pengayaan khazanah keilmuan dalam karya ketatanegaraan Islam (Hassan, M. K., 1982).

Istilah ketatanegaraan merujuk kepada hal yang berkaitan dengan susunan atau bentuk pemerintahan sesebuah negara. Ini termasuklah perkara yang berhubung dengan peraturan pentadbiran atau pengurusan sesebuah negara. Maksudnya adalah sepadan dengan akar katanya dari tatanegara yang membawa makna susunan dan bentuk pemerintahan (Harun, J., 2003b).

Karya ketatanegaraan menjadi sebahagian pengembangan korpus ilmu Nusantara hasil pelebaran pengaruh Islam. Karya jenis ini asalnya tumbuh di wilayah Parsi kemudian diadaptasi oleh sarjana Muslim Timur Tengah dengan diberi muatan agama dengan mengekalkan elemen utama dalam bentuk naratif sejarah, kisah-kisah diktatik, wasiat dan nasihat. Ia agak unik dengan ciri membawa kompilasi kisah teladan yang pendek terkandung mesej pengajaran tentang politik dan pemerintahan (Crone, P., 2005). Sehubungan dengan itu, ramai sarjana yang mengesan matlamat utama penulisan genre ini adalah untuk menunjukkan cara raja dan pembesar negara sewajarnya berkelakuan dalam hubungan mereka dengan rakyat dalam mencapai tanda keadilan dalam pemerintahan (Crone, P., 2005). Oleh itu, genre ini bukanlah suatu undang-undang atau peraturan yang digubal melalui ketetapan sistem politik sebuah negara, tetapi lebih cenderung menyediakan panduan etika pemerintahan yang baik. Ia turut ditambah nilai melalui kerangka nasihat para pemerintah tentang adab menjadi raja atau pembesar yang baik (Harun, J., 2003a).

Secara umumnya fungsi al-Quran dalam genre penulisan “Adab Ketatanegaraan” atau “Penasihatatan Khalifah” bagi menyokong hujah dan huraian yang dikemukakan berkaitan dengan sesuatu peraturan. Ia menjadi suatu ciri penting kepada sebuah karya genre “*mirrors for rulers*” yang akan membentangkan nasihat awal. Kemudian ia akan disokong oleh ayat-ayat al-Quran, Hadis-Hadis Nabi S.A.W, kata-kata ulama atau ungkapan orang bijak pandai. Beberapa petikan kisah pendek bercorak nasihat yang berkaitan dengan subjek nasihat dan diakhiri dengan ulasan yang lebih terperinci daripada pengarang turut dimuatkan bagi menghasilkan kesan lebih mendalam (Harun, J., 2003b). Justeru, genre ini adalah suatu pendekatan berbentuk nasihat moral kepada para pemimpin dengan penonjolan al-Quran selain Hadis dan kata-kata ulama menjadi senjata untuk mereka akur kepada panduan yang diberi.

Sehubungan dengan itu, sangat tepat dengan komentar Jelani Harun, pengarang karya adab ketatanegaraan merupakan pengkarya yang mempunyai ilmu agama yang tinggi sehingga membolehkan mereka memetik ayat al-Quran atau hadis yang bersesuaian dengan konteks nasihat yang ingin disampaikan. Bukan itu sahaja, mereka juga perlu memiliki pengetahuan yang luas tentang kesusasteraan dan sejarah serta berpengalaman dengan persekitaran politik order pemerintahan (Harun, J., 2003b).

Lanjutan itu, terdapat beberapa penulisan mengenai genre adab ketatanegaraan yang menyentuh karya seperti Taj al-Salatin dan Bustan al-Salatin, baik dalam bentuk kajian akademik (Pakih, S., 1999; Nordin, S. R. A., 2012), penulisan buku (Harun, J., 2008), ataupun artikel (Shah Rul Anuar, N., 2024). Tulisan tersebut turut menyentuh tentang penggunaan al-Quran tetapi ia tidak menjadi tema utama penulisan. Pendekatannya lebih ke arah tema etika kepimpinan atau adab yang menjadikan petikan al-Quran tanpa perincian, sebagai satu elemen penguat di samping hadis, kisah sahabat dan pengaruh kisah-kisah lain.

### 3. RAJA ALI HAJI SEBAGAI ILMUWAN ISLAM

Bukan sedikit para sarjana yang memperakui Raja Ali Haji sebagai seorang ulama lantaran hidupnya dicorakkan dengan tradisi pembelajaran, pengajaran dan kepengarangan agama Islam. Muhammad Yusoff Hashim misalnya merumuskan Raja Ali Haji, merupakan seorang ahli tafsir, perundangan dan ketatanegaraan Islam. Lantaran itu kemampuan Raja Ali Haji terserlah melalui tulisan tersebut dengan memuatkan perihal Raja Islam itu berdasarkan al-Quran dan al-Hadis (Hashim, M. Y., 1992). Noriah Taslim pula memberi gambaran menyeluruh yang menggambar sosok tokoh ini sebagai seorang cendekiawan, sekali gus ulama yang cukup konservatif, anti-Barat dan kuat iltizam Islamnya (Taslim, N., 2019).

Kemampuan beliau menarik dalil dari al-Quran diyakini lantaran tumbesarnya dipengaruhi oleh persekitaran pendidikan Islam bawah bimbingan ayahnya dan para ulama yang berkunjung di Riau. Malahan beliau sempat mendalami ilmu agama di Mekah dengan ulama yang masyhur di sana (Masurori, M. P., 1997). Keadaan ini membuka ruang kepada pengenalan kepada karya ulama besar Islam seperti Imam al-Ghazali yang juga mempunyai penulisan tentang perilaku dan etika pemerintah Islam menerusi Kitab *Nasihah al-Muluk*. Kitab ini dikatakan oleh Noriah Taslim mempengaruhi pemikiran Raja Ali Haji

terhadap ciri-ciri keperibadian seorang pemerintah Islam yang baik serta tafsirannya terhadap kenaikan dan kejatuhan negara kota dan raja-raja Melayu silam (Taslim, N., 2019). Hasan Junus turut memperakui banyak karya Imam al-Ghazali dirujuk tetapi kitabnya bertajuk *Nasihah al-Muluk* lebih dominan dalam kedua-dua kitab ketatanegaraan Raja Ali Haji (Junus, H., 2002).

Wujud juga beberapa tulisan mengenai kitab *Thamarat al-Muhimmah*. Antaranya tulisan Khalif Muammar yang memberi konteks kewujudan dan pemikiran politik Raja Ali Haji serta transliterasi rumi (A. Harris, K., & Muammar., 2018). Ada juga penulisan yang mengangkat tema perlembagaan Islam yang menggunakan beberapa penulisan Raja Ali berasal daripada pelbagai konteks sosio-budaya, mewakili kesinambungan pemikiran politik Islam yang menekankan keadilan ('adl), musyawarah (shūrā), tanggungjawab (mas'ūliyyah), dan batasan etika terhadap kuasa politik (Arie, H., Sibarani, R., Umar, M. H., & Hidayati, R., 2025). Namun terdapat juga penulisan komprehensif mengenai kitab ini seperti kajian doktor falsafah oleh Raja Hisyamudin (Raja Sulong, R. H., 2014). Kajiannya lebih bersifat huraian yang dipadankan dengan tema-tema tertentu kadang kala menggunakan al-Quran berdasarkan petikan dalam kitab tersebut, namun tidak menggunakan tematik analisis yang menjadi tunjang tulisan ini. Begitu juga artikel yang ditulisnya bersama Bharudin juga bersifat menonjolkan jumlah ayat al-Quran yang digunakan dalam kitab *Thamarat al-Muhimmah* tetapi tiada perincian hubungkait dengan pembinaan pemikiran politik Islam (Raja Sulong, R. H., & Che Pa, B., 2012, 22-23 Februari). Dapat dikesan bahawa penjelasan al-Quran dalam bentuk tematik yang dikembangkan pentafsirannya dengan ilmu politik Islam secara kritis masih belum ditemui penulisannya. Kelompangan kajian mengenainya yang cuba diisi melalui penulisan ini.

#### 4. PENGGUNAAN AYAT AL-QURAN DALAM KARYA ADAB KETATANEGARAAN RAJA ALI HAJI

Karya utama Raja Ali Haji mengenai ketatanegaraan diangkat oleh ramai sarjana dijelmakan melalui penulisannya yang bertajuk "*Thamarat al-Muhimmah Diafah lil Umara, wal' Kubara' li Ahli'l Mahkamah*" (Buah-buahan yang di Cita-cita Hal Keadaan Jadi Jamuan Bagi Raja-raja dan Bagi Orang-Orang Besar yang Mempunyai Pekerjaan di Dalam Tempat Berhukum) dan sebuah lagi berjudul "*Muqaddimah fi Intizam al-Wazaif al-Malik*" (Pengenalan Kepada Pengurusan

Tugas-tugas Raja). Kedua-dua karya ini dianggap oleh Hashim merupakan karya kritis dan panduan bagi menunjuk cara dan kaedah yang betul bagi seseorang yang menjadi raja yang dinisbahkan Islam (Hashim, M. Y., 1992). Bagi Khalif Muammar kedua-dua karya itu mempunyai tujahan tersendiri. Karya *Thamarat al-Muhimmah* lebih bercorak karya nasihat. Manakala penulisan mengenai *Muqaddimah* lebih kepada karya ketatanegaraan (A. Harris, K., & Muammar, 2017). Bagi Siddiq Fadzil pengkategorian *Thamarat al-Muhimmah* ke dalam genre sastera undang-undang atau kitab undang-undang yang terpakai di Riau adalah tidak tepat. Sebaliknya karya itu baginya refleksi kepada pemikiran politik dan ketatanegaraan yang boleh dipadankan dalam disiplin ilmu *Siyasah Syar'iyah* dan lebih sesuai bawah kategori genre sastera ketatanegaraan (Fadzil, S., 2017).

Kedua-dua buah buku ini ditulis selepas berlakunya peristiwa Sultan Mahmud IV diturunkan daripada takhta (1857) yang diandaikan oleh Noriah Taslim bertujuan untuk menjelaskan dan mewajarkan kejatuhan sultan tersebut dari sudut pemikiran *Siyasah Syar'iyah*. Justifikasi dari sudut ini diandaikan bagi mengelakkan berlaku fitnah pergolakan atas sentimen bangsa Melayu yang terkilan dan gusar atas perlucutan jawatan sultan sebagai respon daripada masyarakat tersebut. Hal ini dapat dikesan melalui penulisan bercorak historiografi *Tuhfat al-Nafis* -karya selepas kedua-dua kitab tersebut- yang turut memerihalkan peribadi Sultan yang tidak lagi mementingkan penjagaan identiti Islam yang sebenarnya (Taslim, N., 2019). Hal ini bukan suatu alasan politik Bugis yang dicipta oleh Raja Ali Haji sendiri, tetapi sandaran rujukannya adalah pada kitab *Sharh Ithaf al-Murid* yang memperincikan hukum pengecualian keadaan raja harus diturunkan atau dipecat dari jawatannya. Ini kerana beliau sedar akan hukum asalnya adalah haram menjatuhkan ketua negara yang sah dilantik sebagaimana rujukan dalam kitab *Jawharat al-Tawhid* (Raja Ali Haji, 1999).

Sesuai dengan keserjanaan Raja Ali Haji dalam pengajian Islam, karya ini dipengaruhi sepenuhnya dengan falsafah politik Islam bagi membawa kepada kebaikan menurut neraca Syariat. Oleh itu, penggunaan al-Quran merupakan perkara yang lazim bagi mengukuhkan mesej yang ingin disampaikan lewat karya nasihat. Penggunaan al-Quran dalam penyampaian mesej genre ini bukanlah sesuatu yang ganjil memandangkan ia adalah salah satu ciri jenis karya begini (Raja Sulong, R. H., 2014). Dalam bentuk aplikasi karya *Thamarat al-Muhimmah* memuatkan sepuluh petikan ayat al-Quran disesuaikan dengan

keperluan topik perbincangan. Jumlah ini agak sedikit berbanding dengan kitab *Taj al-Salatin* yang memperuntukkan sebanyak 62 ayat al-Quran dan *Bustan al-Salatin* pula 93 ayat al-Quran (Harun, J., 2003b). Ini menunjukkan peranan al-Quran sebagai medium pengukuhan karya penasihat mempunyai posisi tertentu.

## 5. PETIKAN AYAT DAN HURAIAN KONTEKS POLITIK

Menerusi karya Thamarat al-Muhimmah, Raja Ali Haji telah memuatkan 10 ayat al-Quran sebagai batu asas dalam mencerakinkan konsep ketatanegaraan menurut syariat. Artikel ini hanya memfokuskan tiga ayat yang dipetik daripada karya tersebut, untuk menekuni pemikiran politik beliau dalam bingkai syariat Islam beserta adunan kearifan tempatan yang ditampilkan beliau.

### 5.1 *Surah An-Nisa' 4:59 – Legitimasi Autoriti Pemerintah*

Dalam Bab yang Pertama menerusi Fasal 1, ditemui satu petikan ayat dari surah *Al-Nisā'* 4: 59 yang diterjemahkan oleh Raja Ali Haji “*Taatlah kamu akan Allah Ta'ālā dan Rasul-Nya dan yang mempunyai pekerjaan yakni yang mempunyai hukum daripada kamu adanya*”. Nukilan Raja Ali Haji “...yang mempunyai hukum daripada kamu adanya” dapat difahami sebagai seseorang yang memiliki kuasa yang diamanahkan untuk menggaris peraturan hidup manusia dalam sesebuah wilayah pemerintahan. Pernyataan ini sejajar dengan tafsiran ulama tafsir muktabar seperti al-Qurtubi yang menjelaskan peranan Uli al-'Amr yang mengatur (أَنْ يَحْكُمُوا) dengan keadilan (Al-Qurtubi, 1964). Terjemahan *ulil amri* menerusi terjemahan lebih awal di Alam Melayu seperti *Tarjumah al-Mustafid* oleh Abdul Rauf Ali Singkil al-Fansuri (1615-1693) pula menyatakan, “*dan segala yang mengampu pekerjaan kamu daripada kamu dan apabila menyuruh mereka itu akan kamu dengan berbuat taat akan Allah Taala dan akan RasulNya*” (Al-Fansuri, 1901).

Ahmad Sanusi (1889 –1950) dalam kitab tafsir *Rawḍatul Irfān fī Ma'rifat al-Qur'ān* dengan campuran bahasa Sunda menyarankan makna *ulil amri* terpakai dalam dua keadaan iaitu jawatan politik *Imam al-A'zam* dan jawatan agama *abli ijtihad*. Menariknya beliau menyarankan sekiranya kedua-dua institusi itu tidak wujud, maka ketaatan kembali kepada kefahaman

bersumberkan kepada sumber utama hukum iaitu al-Quran, al-Hadis, *ijma'* dan *Qiyas* seperti petikan di bawah;

*kudu tumut ka imam al-A'zam jeung kudu taqlid ka ahli ijtihad lamun maneh awam jeung kudu turut kana ijma'*" (harus taat kepada Imam al-A'zam dan harus taqlid kepada ahli ijtihad, jika tidak ada, maka harus taat pada ijma"); ketiga, *kudu make qiyas lamun nggeus henteu aya dina qur'an hadis ijma* (harus memakai qiyas jika sudah tidak ada dalam al-Qur'an, hadis dan ijma' (Barokah, O., 2019).

Dalam kitab tafsirnya yang lain (*Malja' al-Tālibin* dan tafsir *Tamsiyiyat al-Muslimin*) penekanan tafsirnya merujuk kepada "orang yang memiliki pemerintahan dengan pemerintahan yang sesuai dengan ajaran Allah dan Rasul-Nya (*ulil amri*) iaitu sebagian orang Muslim yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya" (Barokah, O., 2019). Pemaknaan penentuan status *ulil amri* begini mungkin lahir dari status kesarjanaannya yang muncul dalam suasana politik penjajah di Indonesia yang ditentangnya. Malahan dirinya juga turut menerima hukuman penjara dan buang daerah. Lantaran itu, konteks rujukan kepada ketiadaan *Imam al-A'zam* dan penjajah yang melantik ulama kerajaan yang selari dengan cita rasa penjajah. Maka seruan taat dinilai dalam kerangka kefahaman dari sumber hukum Islam iaitu al-Quran, al-Hadis, *Ijma'* dan *Qiyas*. Keengganannya memperakui bayaran zakat kepada pemerintah mungkin contoh yang menunjukkan sikapnya anti penjajah dan yang terkait dengannya melalui kefahaman sosio-politik pada masa itu (Kuswandi, D., 2019).

Bagi Raja Ali Haji, sekalipun Kesultanan Riau di bawah pengaruh penjajah Belanda, namun struktur jawatan yang ada merupakan tradisi yang masih kekal. Bahkan penulisan karya ini juga adalah bagi tujuan memberi panduan keagamaan dan pentadbiran dalam menjalani pemerintahan khususnya kepada Raja Ali bin Raja Ja 'afar Yang Dipertuan Muda Riau kelapan (1845-1857) melalui karya *Muqaddimah fi Intizam al-Wazā'if al-Malik* yang dikarang pada 1856. Ia diikuti pula karya *Thamarat al-Muhimmah* yang menyusul setahun kemudian bagi melengkapkan panduan mentadbir politik melalui panduan agama (A. Harris, K., & Muammar, 2018).

Posisi ayat 59 dari surah *an-Nisa'* dalam kitab *Thamarat al-Muhimmah*, dijadikan sebahagian dari lafaz yang dinamakan *bay'ah* oleh *ahl al-hall wa al-'aqd*. Lafaz *bay'ah*, dalam perbincangan fikah adalah suatu perjanjian atau aku

janji yang dilafazkan sebagai simbolik perakuan oleh sekumpulan orang yang terpilih mewakili masyarakat. Menurut Raja Ali Haji yang terlebih *awlā* mereka itu berstatus ulama. Cadangan lafaz lengkap dari Raja Ali Haji;

Kami semua *ahl al-hall wa al-'aqd*, kemudian daripada muafakat dan mushawarah yang telah sudah putus, mentauliahkan fulan menjadi raja kami di dalam kerajaan negeri ini dengan segala takluk daerahnya dan berlakulah antara kami dengan raja kami mengikut seperti ayat yang maha mulia firman Allah Ta'ālā di dalam al-Quran Al-Azīm: “*aṭi 'u'llah wa aṭi 'urrasul wa uli'l-amri minkum*”, yakni taatlah kamu akan Allah Ta'ālā dan Rasul-Nya dan yang mempunyai pekerjaan yakni yang mempunyai hukum daripada kamu adanya”.

Rangka kewujudan ayat ini sebagai memperingati tanggungjawab agama terhadap orang Islam bagi menunaikan perintah melantik *ulil amri*. Hal ini dapat dianalisis dalilnya melalui keterangan perintah Allah untuk taat kepada *ulil amri*. Perintah taat adalah dalil atas wajibnya lantik *ulil amri*, kerana Allah tidak akan perintah untuk taat bagi sesuatu yang tidak wujud. Begitu juga tidak difardukan taat dari segi wujudnya bersifat hukum sunat. Lantaran itu, perintah untuk taat mengandungi perintah untuk direalisasikan. Maka ini adalah petunjuk kepada mendirikan institusi Imam (pemerintah) bagi orang Islam adalah wajib (Umar, A., 2006). Logik pendalilan ini yang boleh dikaitkan kepada Raja Ali Haji bagi penjelasan hukum melantik raja dalam konteks Alam Melayu adalah wajib atau fardu kifayah (Raja Ali Haji, 1999).

Berdasarkan hukum mewujudkan institusi ini, Raja Ali Haji mencadangkan perintah mengangkat *ulil amri* mempunyai tiga model; dengan model *bay'ah* oleh *ahl al-hall wa al-'aqd*, menjadi turutan pertama diperkuatkan dengan dalil seperti perbincangan di atas. Model kedua atas jalan *istikhlaf* iaitu menerusi penamaan oleh raja sebelum kematiannya kepada seseorang calon melalui proses *mushawarah* yang disepakati. Kesahihan model ini ditunjukkan oleh Raja Ali Haji dengan mengikut tindakan Sahabat utama R.A.H melantik Saidina Uthman ibn Affan. Manakala model yang ketiga lebih kepada penggunaan kekuatan ketenteraan yang diistilahkan oleh Raja Ali Haji sebagai *taghallub*. Dalam huraiannya ia merujuk kepada kejayaan menguasai sesebuah

negeri melalui kekuatan ketenteraan (*quwwah*). Model ini tidak pula dinyatakan rujukan dalilnya (Raja Ali Haji, 1999).

Ketiga-tiga model ini dinyatakan oleh Raja Ali Haji “*Shahdan, inilah segala sebab yang mengesahkan menjadi raja*”. Model tersebut pada dasarnya adalah model yang sudah mantap penerimaannya di kalangan aliran *Abli Sunnah wal Jamaah* (Abu Zahrah, M., 1987). Justeru, peranan al-Quran yang dipetikanya adalah untuk menunjukkan bahawa mengangkat Imam atau ketua agama adalah tuntutan agama pada peringkat hukum *Fardu Kifayah*. Hukum ini terlaksana melalui sekumpulan muslim yang digelar ahli *Hall wa al-‘Aqd* sebagaimana dua model awal. Manakala model ketiga atas kekuatan penguasa yang menunjukkan kewujudan institusi “*uli al-‘amri*” tahap *daruri* sekalipun cara biasa tidak terlaksana dengan jaya.

### 5.2 *Al-Baqarah 2: 246 – Autoriti dan Fungsi Jawatan*

Dalam Bab yang Pertama menerusi Fasal 2, ditemui satu petikan ayat dari surah *Al-Baqarah* 2: 246 yang diterjemahkan oleh Raja Ali Haji “*Pada ketika telah berkata mereka itu bagi Nabi mereka itu bangkitkan olehmu bagi kami akan seorang raja jadi kepala serta kami pada pekerjaan perang dengan jalan Allah*” hingga akhir ayat yang mentamamkan kisahnya”. Ayat ini diungkapkan oleh Raja Ali Haji bagi menghubungkan kepimpinan Melayu yang disebutnya “raja” dengan perbincangan ilmu *Siyasah Syar’iyyah* atas tiga serangkai istilah iaitu khalifah Rasulullah, sultan dan imam. Konteks ayat *al-Baqarah* 2: 246 itu dipetik bagi mengukuhkan istilah raja dengan makna imam yang diertikannya sebagai “*ikutan segala rakyatnya pada segala hukuman dan perintahnya yang tiada membawa kepada kufur dan maksiat*”. Beliau menarik kesimpulan “*makna imam itu di hadapan yang diikuti perintahnya*”. Dalam rangka mengukuhkan makna inilah beliau mengemukakan kisah ringkas Bani Israel pasca Nabi Musa A.S meminta seorang raja sedangkan Nabi masih ada bersama mereka. Pemimpin ini diperlukan bagi berperang pada jalan Allah seperti ayat tersebut (Raja Ali Haji, 1999). Berdasarkan ayat itu Raja Ali Haji mentafsirkan Nabi itu bernama Nabi Ishmaw’il atau Nabi Samuel mengikut *Tafsir Jalalayn*. Manakala yang dikehendaki istilah “*Malikan*” diterjemahkan dalam bahasa Melayu sebagai raja dalam konteks ayat adalah Ṭālūt.

Al-Qurtubi mentafsirkan “*Malikan*” yang diserahkan kepada Ṭālūt mengandungi mesej kriteria kepimpinan yang terlonjol dari peribadinya dengan kelayakan ilmu dan kekuatan fizikal melalui ayat berikutnya 247 dari *al-Baqarah*.

Dua elemen tersebut lebih didahulukan dari keturunan. Selain itu, peristiwa ini juga terkandung mesej mengenai “kehendak Allah” bagi menentukan pemimpin yang diungkap melalui lisan Nabi Samuel A.S untuk menghentikan pertikaian pemilihan tersebut oleh kalangan pembesar kaumnya yang tidak berpuas hati tentang status sosio-ekonomi Tālūt pada kategori golongan bawahan. Al-Qurtubi, 2002).

Sehubungan itu, penggunaan ayat tersebut boleh diandaikan bagi memberi petunjuk kepada raja akan keperluan menyiapkan diri memikul tanggungjawab berat dengan kelayakan ilmu dan kemampuan kekuatan fizikal bagi membawa pengikutnya pada jalan kejayaan. Tambahan pula, ayat itu mengiringi perbincangan mengenai gelaran imam supaya pemegang jawatan dapat memberi penegasan kepada keputusan bagi mengatur masyarakat oleh raja merupakan tugas asasi. Tugas ini perlu diselarikan dengan kehendak Syariat. Inilah yang terhasil dari makna ketiga-tiga istilah yang dikemukakan- khalifah Rasulullah, sultan dan imam- oleh Raja Ali Haji bertemu pada merealisasikan kehendak Allah.

### 5.3 *Al-Buruj 85: 16 – Pertentangan Kuasa Tuhan dan Raja*

Umumnya pada frasa “*fa’alul lima yurid*”, terdapat pengkaji yang tidak mengenal pasti bahawa ia sebagai ayat al-Quran memandangkan perletakan frasa tersebut sebagai sebahagian komentar Raja Ali Haji tentang sikap sesetengah penguasa yang menganggap mereka berkuasa mutlak dengan dipetik frasa tersebut berserta terjemahan (A. Harris, K., & Muammar, 2018). Namun ada pengkaji yang melihat struktur frasa tersebut diambil oleh Raja Ali Haji secara *iqtibas*<sup>5</sup> daripada ayat al-Qur’an pada surah *al-Buruj* 85: 16. Dengan itu ia wajar dimasukkan dalam senarai penggunaan ayat al-Qur’an oleh Raja Ali Haji (Hamid, N. A., Amin, R., & Abdullah, Z., 2017; Raja Sulong, R. H., & Che Pa, B. (2012, 22-23 Februari).

---

<sup>5</sup> اقتباس (*Iqtibas*) bermaksud memasukkan sebahagian daripada lafaz atau makna al-Quran atau hadis Nabi SAW ke dalam ucapan, tanpa menunjukkan secara jelas bahawa ia berasal daripada al-Quran atau hadith. Maksudnya, ayat atau frasa yang diambil itu digunakan dalam konteks baharu, bukan sebagai petikan langsung dengan menyebut sumbernya seperti “Allah berfirman” atau “Nabi bersabda”, kerana jika disebut sumbernya, ia tidak dikira sebagai *Iqtibas* menurut istilah balaghah. Sila lihat Muḥammad Aḥmad Qāsim. (2003). *Ulūm al-Balāghah (al-Badī’ wa al-Bayān wa al-Ma’ānī)*. Al-Mu’assasah al-Hadithah li al-Kitab, h. 127.

Ayat ini diterjemahkan oleh Raja Ali Haji “*Berbuat barang sekehendaknya*” yang tidak jauh terjemahan dari Abdul Rauf al-Singkili al-Fansuri “*Tuhan yang berbuat barang yang dikehendaknya*” (Al-Fansuri, A. R. A., 1901). Konteks ayat tersebut selari dengan keterangan Raja Ali Haji mengenai topik perbincangan ayat tersebut. Ayat tersebut adalah menunjukkan konsep “*Iradat Allah*” dari sudut akidahanya sebagaimana ditafsirkan oleh Nawawi al-Jawi Banten (1813-1897). Allah menurut huraianya tidak tertakluk kepada mana-mana peraturan untuk diikuti bagi menentukan seseorang itu ke Syurga atau Neraka. Ianya adalah keputusan eksklusif Allah semata-mata (Nawawi al-Jawi, M. U., 1997).

Ayat ini mengandungi mesej kuat bagi mengingatkan raja bahawa mereka bukanlah berkuasa mutlak untuk berbuat sesuka hati. Ini kerana sifat dan perbuatan tersebut menurut Raja Ali Haji “*terkadang tergelincir lidah mereka itu dengan diumpamakan dengan Allah Subhānahū wa Ta’āla*”. Implikasinya bertentangan secara tajam dengan *Iradat Allah* menurut beliau “*tidak syak kepada haram*” malah lebih teruk kerana status identiti Islamnya boleh berubah kepada kufur (Raja Ali Haji, 1999). Ulasan Raja Ali Haji berkenaan ayat 16 dari Surah al-Buruj ini sememangnya selari dengan kebanyakan karya tafsir muktabar. Al-Iji (m. 905H) dalam karya tafsir beliau menegaskan bahawa Allah bebas dan berkuasa penuh untuk melaksanakan kehendak-Nya tanpa sebarang batasan atau halangan. Kekuasaan Allah adalah mutlak dan tidak terikat kepada sebab atau syarat yang ditetapkan oleh makhluk. Penelitian al-Iji mengambil kira korelasi ayat tersebut dengan ayat 12 sebelumnya di dalam Surah yang sama (Al-Iji, 2004).

## 6. ANALISIS PARADIGMA PEMIKIRAN POLITIK RAJA ALI HAJI BERHUBUNG DENGAN AL-QURAN

Raja Ali Haji tidak menggagas pemikiran politiknya dalam keadaan kosong. Malahan pemikiran beliau telah ada dalam teks-teks ideal dengan rujukan pemikiran politik dari ulama di dunia Islam dan di Alam Melayu baik *mutaqaddimīn* mahupun *mutakhhirīn* sebagaimana yang dicatatnya sendiri dalam *Thamarat al-Muhimmah*. Hal ini dibuktikan melalui para pengkaji pemikiran beliau. Mereka dapat menjejaki senarai ulama yang menjadi rujukan seperti al-Ghazali, al-Mawardi, Ibrahim Laqqani, Bukhari al-Jawhari, Nuruddin al-Raniri dan lain-lain (Junus, H., 2002; A. Harris, K., & Muammar, 2018).

Sehubungan dengan itu, tidaklah pelik apabila Milner menjelaskan, ulama menjadi aktor intelektual dalam penterjemahan Islam dalam kerangka tradisi politik lokal Melayu yang berorientasi pada pengabsahan raja. Kalangan ini cenderung terlibat dalam penghuraian apa yang pada dasarnya merupakan templat alternatif untuk kehidupan keagamaan dan sosial (Milner, A., 2008). Inilah yang dapat dikesan melalui kreativiti Raja Ali Haji yang cuba melakukan ‘suai-padan’ istilah raja dalam konteks institusi politik lokal melalui konsep yang mapan pada istilah “khalifah”, “sultan” dan “Imam” dalam tradisi penulisan *Siyasah Syar’iyyah* ulama terdahulu.

Mengulas hal ini, Siddiq Fadzil memperakui langkah demikian adalah sebahagian dari apa yang diistilahkan sebagai cubaan untuk “*menegaskan semula Islamisasi erti dan konsep raja dalam pengertian pengekalan istilah raja setelah diberikan erti menurut peristilahan politik Islam*” melalui padanan tiga perkataan di atas. Usaha intelektual ini dianggapnya sebagai suatu “*transformasi makna*” mengeluarkan faham dari pengaruh ajaran Hindu melalui konsep *dewaraja* yang terkait pada unsur kedewaan kepada makna *Islami* melalui kesedaran sebagai pelaksana ajaran Ilahi seperti termuat pada definisi istilah tiga serangkai di atas (Fadzil, S., 2017).

Kesinambungan makna transformasi ini makin terserlah melalui penegasan Raja Ali Haji mengkritik keras penyalahgunaan fahaman tentang kuasa politik raja bersifat mutlak dan diktator dengan penggunaan Surah *al-Buruj* :16 di atas. Ketidaksuaian konsep tersebut dikembangkan dalam penulisan Raja Ali Haji melalui Fasal ke-14 yang menyentuh maksud tidak menghirau agama (*Lā Yubālī bi al-Dīn*). Konsep ini dalam bicara Raja Ali Haji -sebagaimana dinukil oleh Siddiq Fadzil (2017, p. 11) dengan tepat- dituju kepada bidasan terhadap raja yang bermaharajalela yang dikategorikan oleh Raja Ali Haji sebagai “raja hawa”. Istilah ini terkandung makna;

Memperbuat apa sukanya di atas rakyatnya jadilah ia mengikut hawa nafsunya tiada tahu akan halal dan haram dan dosa dan pahala dan sah dan batal serta melalaikan dia daripada memenuhkan perutnya dengan makanan yang lazat-lazat dan membatalkan akan cerdiknyanya dengan membanyakkan sekedudukan dengan perempuan sebab memenuhi *shahwatnya* serta tamak dan lobanya pada beristeri dan bergundik sehingga berjalanlah segala askarnya segenap dusun dan kampung-kampung rakyatnya mencari

perempuan yang baik-baik rupa supaya memenuhi nafsu syahwat rajanya jadi banyaklah segala rakyat tenteranya pecah-belah hatinya sehingga liar hati mereka itu kepada rajanya dengan sebab perbuatan yang amat *dhalalat* ini

Sehubungan dengan itu, dakwaan banyak pihak, sistem politik Melayu berteraskan monarki mutlak adalah tidak tepat berikutan idealisme sistem politik Melayu lebih banyak dipengaruhi panduan politik Islam. Muatan Islamisasi pada sistem beraja ini terkesan melalui prinsip-prinsip mengehadkan kuasa raja di bawah kedaulatan Syariah, melakukan konsultasi dengan mereka yang layak, berpegang pada prinsip keadilan dan menghormati hak asasi rakyat. Ini dapat dibuktikan melalui kategori yang disandarkan oleh Raja Ali Haji kepada *hukama'* tentang jenis raja dengan "raja hawa" seperti mana di atas adalah kategori yang ditolak tegas. Sebaliknya beliau memberikan huraian positif pada dua jenis raja iaitu "raja ugama" dan raja yang menekankan kepada pelaksanaan dasar-dasar menepati Syariah dan pencapaian keadilan. Beliau memberikan perhatian lebih kepada kategori kedua dengan perincian;

Raja memelihara segala yang diharamkan maka bahawasanya mendirikan ia pekerjaan ugama dan pekerjaan dunia dan lazimlah atas segala manusia dengan mengikut Syara' dan memelihara atas segala maruah, dan jadilah ia yang menghimpunkan antara *qalam* dan pedang, maka barang siapa berpaling daripada *shatar qalamnya*, tergelincir dengan dia tapak kakinya, dibetulkannya segala bengkok dengan had yang memutuskan, yakni pedang, dan terhamburlah adilnya pada sekalian manusia

Gambaran mengenai kategori ini jelas mengangkat dua pertimbangan dalam mengatur kehidupan bernegara melalui *Qalam* lambang keintelektualan dan pedang lambang kuasa paksaan dengan paksi tindakan berteraskan syarak. Inti pati kepada *Qalam* dan pedang boleh mewakili fahaman kepentingan bentuk pengaruh (*influence*) dan kuasa paksaan (*force*) dalam Sains Politik (Moten, A. R., & Islam, S. S., 2015). Kedua-dua elemen ini menjadi faktor penting bagi mengubah tingkah laku rakyat mengikut arahan atau perintah dari pemegang kuasa atau raja. Jadi potensi kuasa yang dimiliki oleh raja dapat direalisasikan bagi mengatur kehidupan rakyat dengan tercapainya keadilan. Makna ini juga

terkandung pada perintah “Ta’at” berdasarkan ayat al-Quran dari Surah *An-Nisa’* 4:59 dengan maksud taat tidak mutlak. Sebaliknya ketaatan bersandarkan kepada keselarian perintah dengan ketentuan Syariah sebagaimana komentar HAMKA melalui penglibatan aktif masyarakat sivil juga (HAMKA, 1987).

Sehubungan dengan itu, Raja Ali Haji seawal karya *Thamarat al-Muhimmah* telah menekankan nasihat tentang pentingnya penguasaan ilmu dengan ditonjolkan mengenai hal tersebut melalui ayat al-Quran Surah *al-Mujadalah* 58:11 dengan erti “*Diangkatkan Allah Taala segala mereka itu yang beriman daripada kamu dan segala mereka itu yang diberi ilmu beberapa pangkat*”. Dalam penghuraian, langkah mendekati mereka yang ada kemampuan ilmu agama dari kalangan *awliya’* dan ulama’ *al-āmilin* sebagai waris *anbiya’* ditekankan oleh beliau. Rasionalnya pengetahuan agama diperlukan secara khusus bagi para raja “*jika tiada dengan ilmu dengan apa hendak dihukumkan segala manusia, dan bagaimana boleh mengetahui benar salahnya orang yang berdakwa*”.

## 7. KESIMPULAN

Al-Quran yang diturunkan oleh Allah S.W.T kepada Nabi Muhammad S.A.W untuk disampaikan kepada umat manusia adalah petunjuk dalam semua bidang kehidupan yang sesuai pada setiap tempat dan zaman. Ianya menjadi rujukan kepada orang Islam dalam segala aspek kehidupan mereka. Para cendekiawan Muslim, tak kira di mana mereka berada dan di zaman mana mereka hidup akan menjadikan al-Quran sebagai asas dan hujah terhadap aspek keilmuan yang mereka utarakan. Tindakan tersebut akan menjadikan perkara yang mereka utarakan itu lebih diyakini dan dipercayai kedekatannya dengan agama. Sebagai seorang cendekiawan Muslim di Nusantara, Raja Ali Haji juga tidak terlepas daripada mengaplikasikan kaedah tersebut. Di dalam karya beliau *Thamarat al-Muhimmah*, Raja Ali Haji telah membawakan 10 ayat al-Quran sebagai asas dan hujah terhadap aspek ketatanegaraan yang beliau utarakan. Tiga ayat daripada ayat-ayat tersebut yang dijadikan sebagai aspek penelitian dalam kajian ini menggambarkan besarnya pengaruh ayat-ayat tersebut dalam mempengaruhi pembinaan pemikiran politik Raja Ali Haji. Selain itu, ia juga menggambarkan mengenai kealiman Raja Ali Haji dalam aspek pengetahuan agama Islam sehingga mampu membawakan dalil-dalil yang tepat bagi aspek-aspek ketatanegaraan yang beliau utarakan.

## RUJUKAN

- A. Harris, K., & Muammar. (2017). Sistem Kehakiman Islam dalam karya Raja Ali Haji. In A. Mohd Noor & M. H. Ibrahim (Eds.), *Raja Ali Haji: Pemikir Ulung Alam Melayu abad ke-19* (pp. 37–65). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Harris, K., & Muammar. (2018). *Ilmu Ketatanegaraan Melayu Raja Ali Haji: Thamarat al-Muhimmah dan Muqaddimah fi Intizam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Majid, M. Z. (1992). *Sejarah Pembinaan hukum Islam* (2nd ed.). Jabatan Penerbitan Universiti Malaya.
- Abu Zahrah, M. (1987). *Tarikh al-Madhabib al-Islamiyyah* (Vol. 1). Dar al-Fikr al-‘Arabi.
- Al-Fansuri, A. R. A. (1901). *Tarjumah al-Mustafid (Tafsir al-Quran al-Majid)* (Vol. 1). Mustafa al-Baby al-Halaby.
- Al-Iji, S. al-D. A. al-Shafi‘i. (2004). *Tafsir al-Iji: Jami‘ al-Bayan fi Tafsir al-Qur’an*. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Qurtubi, A. A. M. A. (2002). *Al-Jami‘ li Ahkam al-Quran* (Vol. 4). Muassasah al-Risalah.
- Al-Qurtubi, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad b. Aḥmad b. Abī Bakr. (1964). *al-Jami‘ li Ahkam al-Qur’an*, Muhammad al-Bardawi & Ibrahim Atfish (ed.). Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- Arie, H., Sibarani, R., Umar, M. H., & Hidayati, R. (2025). Islamic Constitutionalism Values: A Study of *Al-Muqaddimah fi Intizam Waza‘if al-Malik, Thamarat al-Muhimmah Diyafah li al-Umara wa al-Kubara’ Ahl Hakim* and *Gurindam Dua Belas Raja Ali Haji*. *Journal of Modern Islamic Studies and Civilization*, 3(2), 209–221.
- Barokah, O. (2019). *Prinsip Dasar dalam Kepimpinan Politik Menurut Ahmad Sanusi (Studi atas Tafsir Rawḍatul ‘Irfân fi Ma‘rifat al-Qur’ân, Malja’ al-Ṭâlibîn fi Tafsîr Kalâm Rabb al-‘Âlamîn dan Tamsyiyyat al-Muslimîn fi Tafsîr Kalâm Rabb al-‘Âlamîn)* (Latihan Ilmiah Sarjana Muda). Institut Agama Islam Negeri Surakarta.
- Crone, P. (2005). *Medieval Islamic Political Thought*. Edinburgh University Press.

- Fadzil, S. (2017). Raja Ali Haji: Kecendekiawanan dan Kepengarangannya. In A. Mohd Noor & M. H. Ibrahim (Eds.), *Raja Ali Haji: Pemikir Ulung Alam Melayu abad ke-19* (pp. 1–18). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamid, N. A., Amin, R., & Abdullah, Z. (2017). Bahasa Melayu Sebagai Wadah Dakwah dan Tarbiah dari Kaca Mata Raja Ali Haji. In *Raja Ali Haji: Pemikir Ulung Alam Melayu Abad ke-19*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- HAMKA. (1987). *Tafsir al-Azhar* (Juz 2). Pustaka Panjimas.
- Harun, J. (2003a). *Adab Ketatanegaraan Kesultanan Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun, J. (2003b). *Pemikiran Adab Ketatanegaraan Kesultanan Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun, J. (2008). *Bustan al-Salatin: A Malay Mirror for Rulers*. Penerbit USM.
- Hashim, M. Y. (1992). *Pensejarahan Melayu: Kajian Tentang Tradisi Sejarah Melayu Nusantara*.
- Hassan, M. K. (1982). Pemikiran Politik Islam. In Y. Mansoor Marican (Ed.), *Dasar Ilmu Politik* (pp. 111–136). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jamian, M. N., Yusoff, M. Y., Hanafiah, M. G., & Yunos, Y. (2017). Keadilan Teras Kepimpinan Raja-Raja Melayu: Dari Era Tradisi ke Kontemporari. *Jurnal Melayu*, 16(1), 62–81.
- Junus, H. (2002). *Raja Ali Haji: Budayawan di Gerbang Abad XX*. Unri Press.
- Kuswandi, D. (2019). *Metodologi Tafsir Ulama Nusantara di Tanah Pasundan (Telaah atas Kitab Tafsir Rawdhat al-'Irfân dan Malja' at-Thâlibîn karya KH Ahmad Sanusi)*. Perguruan Tinggi Ilmu Al-Quran.
- Masurori, M. P. (1997). Raja Ali Haji dan Kepengarangannya. In Z. A. Borhan, O. Puteh, H. Hamdani, & S. Daud (Eds.), *Warisan Persuratan Johor* (pp. 67–76). Yayasan Warisan Johor.
- Milner, A. (2008). *The Malays*. Wiley-Blackwell.
- Moten, A. R., & Islam, S. S. (2015). *Introduction to Political Science* (5th ed.). Cengage Learning Asia.
- Muḥammad Aḥmad Qāsim. (2003). 'Ulūm al-Balāghah (al-Badī' wa al-Bayān wa al-Ma'ānī). Al-Mu'assasah al-Hadithah li al-Kitab.
- Nawawi al-Jawi, M. U. (1997). *Marah Labib li Kashf Makna al-Qur'an al-Majid* (Vol. 2). Dar al-Kutub al-Ilmiyah.

- Nordin, S. R. A. (2012). *Pemikiran Politik Islam di Aceh pada abad ke-17 M: Kajian Perbandingan antara Kitab Taj al-Salatin, Sulalah al-Salatin dan Bustan al-Salatin* (Tesis Kedoktoran). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nordin, S. R. A. (2019). *Pemikiran Politik Islam di Aceh*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pakih, S. (1999). *Pemikiran Politik Islam dalam Taj al-Salatin dan Bustan al-Salatin: Satu Perbandingan Konsep* (Disertasi Sarjana). Universiti Malaya.
- Raja Ali Haji. (1999). *Thamarat al-Muhimmah diyafah lil Umara wa al-Kibriya' li Ahl al-Mahkamah*. Khazanah al-Fatoniah.
- Raja Sulong, R. H. (2014). *Pemikiran Politik Raja Ali Haji: Kajian Terhadap Muqaddimah fi Intizam dan Thamarat al-Muhimmah* (Tesis Kedoktoran). Universiti Malaya.
- Raja Sulong, R. H., & Che Pa, B. (2012, 22–23 Februari). Penggunaan Ayat-ayat al-Qur'an oleh Raja Ali Haji di Dalam Karya beliau *Thamarat al-Muhimmah*. Paper presented at *The 2nd Annual International Qur'anic Conference 2012*, University of Malaya.
- Shah Rul Anuar, N. (2024). Perbandingan Pemikiran Ketatanegaraan di dalam Kitab Salatin. *Global Journal Al-Thaqafah*, 12(2), 119–134.
- Taslim, N. (2019). Raja Ali Haji dan Strategi Alih Kuasa dalam *Tuhfah al-Nafis*. In J. Harun & R. A. Hamid (Eds.), *Kedaulatan dan Kekuasaan Melayu dalam Teks Sastera* (pp. 241–264). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Umar, A. (2006). *Al-Imamah al-'Udhma 'inda Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Dar Tayyibah.
- Utawah, A. al-'A. A. (1993). *Al-Madkhal ila al-Siyasah al-Shar'iyah*. Kementerian Pendidikan Tinggi, Universiti Imam Muhammad ibn Sa'ud al-Islamiyyah.